

Suami disyaki belash isteri sampai koma dicekup polis selepas keluar beli makanan

Suspek jadi 'pelarian' selama 38 hari

KOSMO (21 06/2021) M/S 02

PETALING JAYA - Seorang lelaki yang menjadi buruan polis selepas disyaki memukul isterinya sehingga koma dalam kejadian di Johor pada 4 Mei lalu terpaksa hidup merempat dengan menumpang rumah kenalan selama 38 hari semata-mata mahu mengelak daripada dicekup pihak berkuasa.

Bagaimanapun, kelicikan suspek berusia 38 itu berakhir apabila dia ditahan polis semasa keluar membeli makanan dengan menunggang motosikal di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur kira-kira pukul 11 pagi semalam.

Tangkapan ke atas lelaki itu adalah hasil risikan sepasukan pegawai dan anggota Pasukan Siasatan Khas (D9), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman sejak beberapa hari lalu.

Sumber berkata, semasa tangkapan dibuat, suspek turut bertindak agresif apabila melanggar motosikal yang ditunggang anggota polis.

"Berlaku pergelutan di lokasi tersebut, namun tiada anggota yang mengalami kecederaan," kata sumber kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut sumber itu, suspek yang berasal dari Alor Setar dan bekerja sebagai peniaga pakaian di pasar malam dipercayai bersembunyi di kawasan tersebut dengan menumpang rumah ke-



KERATAN Kosmo! 17 Mei 2021.



SUSPEK dipercayai bersembunyi di rumah kenalannya di Kuala Lumpur selama 38 hari.

nalannya sepanjang 38 hari menjadi buruan polis Johor.

Katanya, sebaik ditangkap, suspek telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 325 Kanun Keseksaan kerana menda-tangkan kecederaan parah.

Ujian saringan air kencing ke atas lelaki itu dijangka dijalankan di IPD berkenaan.

Kosmo! pada 17 Mei lalu melaporkan, seorang isteri yang juga penjawat awam berusia 43 tahun di Johor terpaksa bertarung nyawa di Unit Rawatan Rapi, Hospital Sultanah Aminah (HSA) selepas dipercayai dibelash suaminya pada 4 Mei.

Lebih malang, mangsa yang ketika itu mengandungi empat minggu telah dihantar ke HSA oleh rakan suaminya, manakala suspek melarikan diri ke Lembah Klang.

Mangsa yang baru tujuh bulan bernikah dengan suspek mengalami kecederaan parah dengan tengkorak kepalanya terpaksa dibuang akibat pendarahan selain rahang, tulang belakang serta rusuk retak dipercayai dipukul.

Kejadian berlaku semasa mangsa berada di rumahnya di sebuah pangsapuri di Larkin.

Mangsa bagaimanapun dipindahkan ke Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban sebelum dibawa pulang ke rumah keluarganya di Sungai Udang, Melaka pada 1 Jun lalu.

Walaupun masih tidak sedarkan diri, namun keadaan wanita itu dilaporkan stabil.

Susulan kejadian itu, polis telah mengedarkan gambar suami mangsa bagi membantu siasatan berhubung kejadian itu.



SUSPEK cuba bertindak agresif ketika ditahan sepasukan polis di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur semalam.